



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERAK

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Keping 1,
Basco Avenue@Keping,
31400 Ipoh, Perak

No Tel : 605 - 246 2100
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj. Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2 JLD.5 (16)
Tarikh : 12 April 2023

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 1 TAHUN 2023 BERKENAAN PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHANAN (*SECOND VALIDATION*) PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN SECARA BERPERINGKAT MENGIKUT BANK EMOLUMEN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 1 Tahun 2023 rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(26) bertarikh 16 Mac 2023 serta buletin ANM.PK.G.600-1/1/2JLD.4(63) bertarikh 10 Mei 2022 adalah berkaitan.

2. Sepertimana yang telah diperincikan dalam Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 8 April 2022, pengesahan tambahan berlaku di sistem bank penerima. **Pengesahan identiti penerima bayaran emolumen akan dibuat berdasarkan kepada nombor akaun pegawai awam Persekutuan dan nombor pendaftaran entiti (nombor Kad Pengenalan/ nombor passport bagi bukan warganegara) yang terdapat di dalam iGFMAS berbanding dengan sistem bank.**

3. Selaras dengan surat edaran seperti di atas, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan hendaklah memastikan perkara berikut agar pembayaran emolumen dapat dikreditkan ke akaun penerima dan tiada penolakan emolumen (*rejection*) :

i. Nombor pendaftaran entiti (nombor Kad Pengenalan/ nombor passport bagi bukan warganegara) pegawai awam Persekutuan yang terdapat **di iGFMAS dan sistem bank adalah sama**; dan

ii. Penggunaan akaun- akaun berikut adalah **tidak dibenarkan bagi pembayaran emolumen** :

- Akaun Bank Syarikat (Perniagaan Tunggal); dan
- Akaun Bersama (*Joint Account*)

4. Pelaksanaan semakan tambahan (*second validation*) pembayaran emolumen pegawai awam Persekutuan melalui Modul HCM – *Payroll* mengikut bank **bermula pada pembayaran emolumen bulan Mei 2023**. Pelaksanaan semakan tambahan (*second validation*) pembayaran emolumen pegawai awam Persekutuan melalui Modul HCM – *Payroll* mengikut bank **bermula pada pembayaran emolumen bulan Mei 2023**.

5. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan boleh merujuk Tatacara Pengendalian Penolakan Emolumen seperti di dalam Surat Edaran BPOPP Bilangan 1 Tahun 2023 sekiranya berlaku penolakan emolumen. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan amatlah diharapkan bagi memastikan pembayaran emolumen pegawai dibayar dengan lancar. Sebarang pertanyaan berhubung Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Pembayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan boleh merujuk kepada Unit Gaji Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”



NOORAKMAR BINTI HUSSIN A.M.P, C.A.(M), CPA (Aust.)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak

E-mel : pneg_prk@anm.gov.my

Tel. : 05-246 2115